

Amerika perh ubah sikap agar kembali disanjung — PM

Daripada KHALID MOHD

WASHINGTON 14 Mei — Amerika Syarikat perlu mengubah sikap dan kembali menjadi negara yang pernah disanjung dan disukai oleh penduduk dunia seperti suatu masa dahulu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Saya berbohong jika saya mengatakan bahawa dunia hari ini masih lagi melihat Amerika Syarikat sebagai kawan yang pernah mereka kenali dahulu.

“Namun begitu, masih ada se-

bab dan peluang bagi Amerika Syarikat dan rakyatnya kembali menjadi kawan sejagat dunia.

“Apa yang perlu dilakukan hanyalah dengan tidak bersikap terlalu keras apabila berdepan dengan negara atau mereka yang keras kepala,” ujar beliau.

Perdana Menteri mengingatkan, jika ditolak ke dinding, siapa pun termasuk yang paling lemah akan bangkit melawan.

Beliau juga mengingatkan, manusia biasanya lebih positif jika didekati secara lembut berbanding secara konfrontasi.

“Kemenangan ke atas mereka

sesungguhnya tidak membawa banyak makna,” kata beliau ketika berucap pada jamuan tengah hari pertemuan pertama Kumpulan Persahabatan Malaysia-Amerika di Capitol Hill di sini hari ini.

● Rangsang aktiviti ekonomi AS, Malaysia — Muka 4

Dalam hubungan ini, tegas Perdana Menteri, dunia yang kita semua duduki ini mestilah dijadikan semula sebuah tempat yang selamat.

Beliau percaya dunia boleh menjadi lebih selamat jika se-

mua pihak berusaha memupuk persefahaman dan persahabatan dan bukannya mendukung pegangan bahawa keganasan boleh dilawan dengan keganasan atau dengan keganasan yang lebih besar.

Dalam memerangi keganasan, katanya, dunia perlu bersejutu untuk bertindak bersama dan memainkan peranan masing-masing.

Yang menjadi masalah, tambah beliau, ialah Barat yang sungguh tidak sabar yang mahukan perubahan kepada demo-

■ Lihat muka 5

Amerika perlu ubah sikap agar kembali disanjung — PM

krasi dibuat dalam masa semalaman.

“Perubahan mendadak boleh membawa kacau, biar pun untuk tujuan kebaikan. Demokrasi bagi mereka yang tidak biasa dengannya boleh merosakkan kestabilan hingga membawa kepada peperangan. Lebih elok banyak bersabar,” ujar beliau.

Akhirnya, kata Dr. Mahathir, apa yang penting ialah kehidupan lebih baik yang dibawa oleh demokrasi, bukan demokrasi itu sendiri.

Perdana Menteri berkata, Amerika perlu faham Malaysia. Pada ketika ini, tidak dapat menerima kebebasan mutlak seperti yang menjadi pegangannya.

Beliau berharap Amerika dapat menerima perbezaan yang terdapat dari segi nilai dan menghargainya supaya tercetus toleransi lebih tinggi di antara satu sama lain.

“Dengan cara ini barulah kita dapat hidup aman sesama kita,” katanya.

Malah, tambah beliau, Malaysia dan Amerika boleh menjadi sahabat karib meskipun mempunyai perbezaan.

Perdana Menteri menyebut bagaimana Amerika Syarikat dan rakyatnya menjadi sanjungan penduduk dunia yang dijajah, termasuk rakyat Malaysia.

Hari ini, kata beliau, Amerika Syarikat sebuah negara yang kuat dan boleh menggunakan kekuatan itu.

Tetapi beliau percaya ia tidak akan hilang apa-apa dengan mengambil sikap berbaik-baik semua negara lain, banyak bersabar dan menenangkan hati mereka.

Beliau menaruh harapan Kumpulan Persahabatan Malaysia. Amerika akan menyumbang ke arah membina persefahaman serta persahabatan di antara kedua-dua buah negara. — Utusan